

PERMOHONAN PEMBIAYAAN YURAN PENERBITAN ARTIKEL BERINDEKS (PYPA)

Syarat permohonan

1. Permohonan adalah terbuka kepada staf UiTM tetap dan kontrak daripada semua cawangan yang berstatus aktif sahaja. Corresponding author artikel jurnal mestilah staf akademik UiTM.
2. Pemohon perlu memastikan status jurnal berindeks JCR WoS dan Scopus melalui pautan <https://mjl.clarivate.com/search-results> dan <https://www.elsevier.com/solutions/scopus/how-scopus-works/content>, masing-masing.
3. Artikel yang dipertimbangkan PYPA tidak dibiaya oleh mana-mana sumber lain.
4. Bayaran maksima yuran penerbitan akan ditanggung adalah seperti berikut:
 - Q1/Q2 (JCR WoS) \leq RM5000
 - Q3/Q4 (JCR WoS) \leq RM3000
 - Scopus*/ESCI* \leq RM2000 (***Jurnal telah terbukti keserjanaan dan tidak dikaitkan dengan amalan pemangsa**).
5. Tiada had bilangan artikel yang akan ditanggung untuk setiap pemohon.
6. Pembiayaan yang akan diluluskan hanya kepada penerbit jurnal sahaja. Pembiayaan kepada pihak ketiga (contoh penganjur konferensi) tidak akan diluluskan.
7. Pemohon perlu membuat bayaran kepada penerbit terlebih dahulu dan kemudiannya menuntut dari RMC UiTM.
8. Pemohon perlu mengisi borang permohonan PYPA (RMC/UEP/3/1/2020), berserta bukti-bukti berikut yang telah disemak dan disahkan oleh PTJ:
 - inbois/resit pembayaran,
 - pengesahan pengindeksan artikel dalam Prisma,
 - serta penyata akaun yang jelas menunjukkan transaksi pembayaran yuran penerbitan.
9. Permohonan lengkap yang telah disahkan oleh PTJ perlu dihantar ke Sistem Serahan PYPA (<https://forms.gle/eznjW1r1G1eDg6xW8>) untuk proses pembayaran.
10. Bayaran *processing fee* artikel tidak ditanggung oleh pihak RMC UiTM.
11. Urusan penghantaran artikel kepada penerbit dan urusan penerbitan akan dipantau oleh PTJ masing-masing.